

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI
KAWASAN : DUNGUN
TARIKH : 31 OKTOBER 2016, ISNIN

SOALAN:

YB. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan asas perkiraan kadar tol LPT2, apakah manfaat kepada rakyat Negeri Terengganu jika dibandingkan dengan Lebuhraya Pan Borneo tanpa tol dan memberi faedah terus kepada rakyat di Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) sepanjang 184km telah dibina oleh Kerajaan Pusat dengan kos sebanyak RM4.1 bilion. LPT2 telah siap dan dibuka sepenuhnya kepada pengguna mulai 31 Januari 2015. Manakala kutipan tol LPT2 hanya dilaksanakan mulai 15 Julai 2016.

Kerajaan telah melantik Lebuhraya Pantai Timur 2 Sdn. Bhd. (LPT 2 Sdn Bhd), iaitu sebuah syarikat milik penuh PLUS Berhad untuk melaksanakan operasi, penyenggaraan dan kutipan tol di lebuhraya tersebut. Pemilihan syarikat ini dibuat setelah mengambil kira

perakuan dari Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta (JKAS) setelah meneliti parameter komersial oleh pembida-pembida konsesi yang mengambil bahagian dalam tender 'Request for Proposal' (RfP). Antara parameter ditetapkan untuk pemilihan pembida ialah cadangan tempoh konsesi, kadar tol, unjuran trafik, kadar pulangan dalaman (IRR) dan perkongsian keuntungan dengan Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kutipan tol yang dikenakan kepada pengguna LPT2 ini bukanlah untuk memperoleh semula kos pembinaan lebuh raya berkenaan, sebaliknya ia bagi maksud membiayai kos penyenggaraan dan operasi untuk keselesaan dan keselamatan pengguna lebuh raya. Kadar tol permulaan bagi LPT2 adalah berpatutan, iaitu hanya 12 sen/km bagi kenderaan Kelas 1 (kereta). Ini bermakna pengguna yang membuat perjalanan dari Plaza Tol Kuala Terengganu ke Plaza Tol Cheneh dan sebaliknya akan dikenakan bayaran tol sebanyak RM19.70.

Mengenai isu kutipan tol tidak dikenakan bagi Lebuh Raya Pan Borneo, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memutuskan untuk tidak mengenakan tol di Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak. Ini kerana mengambil kira tiada laluan lain boleh digunakan sebagai laluan perhubungan utama kepada pengguna di kedua-dua negeri itu.

Sekian. Terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. ISMAIL BIN DAUT [MERBOK]
TARIKH : 31 OKTOBER 2016 [ISNIN]
SOALAN : 15

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai Malaysia selaku tuan rumah kepada Pusat Sains, Teknologi dan Inovasi Antarabangsa (ISTIC) bagi Kerjasama Selatan-Selatan di bawah UNESCO dan apakah perancangan kementerian bagi memanfaatkan sepenuhnya pusat tersebut selepas UNESCO melanjutkan tempoh Malaysia sebagai tuan rumah penggal baru bermula tahun lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan Pusat Sains, Teknologi dan Inovasi Antarabangsa (ISTIC) sebagai platform untuk kerjasama selatan-selatan melalui rangkaian Kumpulan G77 adalah merupakan satu pengiktirafan masyarakat antarabangsa kepada Malaysia dalam mempertingkatkan kapasiti pengurusan STI negara-negara membangun.

Melalui penubuhan ISTIC, beberapa kejayaan telah dicapai. Antaranya ialah:

Yang pertama: Sejak ditubuhkan pada tahun 2008 hingga 2016, ISTIC telah berjaya menganjurkan 69 program dan aktiviti. Antaranya ialah penganjuran bengkel Dasar STI, bengkel Wanita Dalam STI, latihan pembelajaran sains berasaskan inkuiri, latihan penyelenggaraan infrastruktur, latihan keusahawanan berasaskan teknologi, taklimat kepada Kumpulan G77 dan UNESCO serta penganjuran ISTIC 5th Anniversary Conference.

Penganjuran program dan aktiviti tersebut telah memberi manfaat kepada seramai **3,168** peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan peringkat pertengahan dan atasan dari lebih **87** buah negara-negara selatan. Dari jumlah ini, seramai **1,088** orang (atau **34%**) merupakan peserta dari Malaysia. Angka ini adalah jauh lebih tinggi berbanding negara-negara lain yang telah menyertai program ISTIC.

Kedua: ISTIC juga telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan beberapa organisasi antarabangsa seperti UNESCO Paris; Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO); Korea Institute S&T Evaluation and Planning (KISTEP) dan Centre for Science & Technology of the Non-Aligned and Other Developing Countries (NAM S&T Centre).

Melalui MoU yang ditandatangani ini, Kerajaan berupaya memposisikan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang menyokong agenda diplomasi sains. Dengan adanya MoU bersama ISESCO, ISTIC dapat memperluaskan lagi jaringan kolaborasi dengan negara-negara ahli dan

ini memberi peluang untuk Malaysia terus mengukuhkan kepercayaan negara-negara berkaitan serta menerajui negara-negara Islam bukan sahaja dalam sektor ekonomi bahkan sains dan teknologi.

Selain itu, MoU bersama KISTEP dan NAM S&T Centre dapat mengukuhkan lagi perancangan pembangunan sains, teknologi dan inovasi negara-negara selatan serta meningkatkan peluang jaringan antarabangsa buat pusat sains dan teknologi negara-negara selatan dengan negara-negara maju.

Pihak Kerajaan juga dapat memanfaatkan kepakaran dari organisasi berkenaan melalui ISTIC dan mengetengahkan negara sebagai tuan rumah dalam program antarabangsa dan menjadi rakan strategik. Pada masa yang sama kepakaran dari Malaysia juga telah dapat dimanfaatkan oleh negara luar.

Ketiga: ISTIC dilihat sebagai *role model* Pusat Kategori II UNESCO kepada negara-negara membangun. ISTIC telah mendapat pengiktirafan daripada Ketua Pengarah UNESCO, TYT Irina Bokova contohnya dalam ucapan beliau pada acara “Return Home to UNESCO” pada 27 September 2013 *“It is a special pleasure for me, because I visited ISTIC and I saw myself its strengths in action. ISTIC is a small organisation, with a very big footprint”* dan baru-baru ini semasa ISTIC mengadakan acara satu hari di UNESCO pada 5 April 2016 di mana beliau menyatakan *“...grateful for the extraordinary work led by ISTIC to advance science, technology, innovation and south-south cooperation”*.

Pengerusi Lembaga Tadbir ISTIC telah menerima anugerah “Triangular Visionary Leadership Award 2014” daripada United Nations Office for

South-South Cooperation (UNOSSC). ISTIC telah ditawarkan menjadi tuan rumah bagi “Asia Pacific United Nations South-South Development EXPO 2015”. Walaupun program ini tidak dilaksanakan atas sebab – sebab tertentu, penawaran ini merupakan satu pengiktirafan atas kemampuan ISTIC mengelolakan program sebesar ini.

Anugerah penuh prestij ini mengiktiraf Pengerusi Lembaga Tadbir ISTIC yang merupakan dari Malaysia sebagai individu yang mempunyai kerjasama antarabangsa yang cemerlang untuk menaiktaraf kondisi masyarakat melalui tiga aspek utama iaitu inovasi, kerjasama antarabangsa dan kepimpinan dalam bidang sains dan teknologi.

Dan yang **keempat**, ISTIC telah menerbitkan 5 penerbitan dalam tempoh 2008 – 2016. 2 daripadanya adalah mengenai sains, teknologi dan inovasi bertajuk “Innovations in Science and Technology in Developing Countries” yang memuatkan artikel terpilih oleh peserta kursus ISTIC. Ini adalah usahasama dengan The World Academy of Sciences (TWAS). Penerbitan ini disebarluaskan kepada peserta program ISTIC dan juga secara di atas talian untuk kegunaan awam. ISTIC juga telah menterjemahkan buku-buku berkaitan pendidikan sains (2 buah). Kedua-dua buku ini iaitu “Discoveries in Islamic Countries” dan “When the Earth Rumbles” adalah sebagai rujukan dan bahan latihan bagi pendidik sains yang menghadiri program latihan ISTIC dalam pengajaran sains berasaskan inkuiri. Buku-buku ini memberi berbagai-bagai contoh bagaimana pembelajaran sains melalui pendekatan inkuiri boleh menarik minat murid. Setakat ini belum terdapat lagi sumber yang memberi contoh bahan bilik darjah berasaskan inkuiri yang boleh digunakan terus dalam pembelajaran mengenai sumbangan ilmuwan dari negara Islam serta pengaruhnya atas sains moden dan mengenai

pergerakan bumi yang menghasilkan bencana seperti tsunami dan gempa bumi. Buku kelima adalah “Celebrating ISTIC’s 5-Year Journey” yang merupakan *coffee table book* yang mengetengahkan perjalanan ISTIC dari tahun 2008 hingga ke tahun 2013.

Di samping itu, ISTIC juga telah mewujudkan satu laman sesawang “I do, I discover” (www.istic-ibse.org) yang memuatkan bahan-bahan pengajaran sains bagi kegunaan pendidik sains secara percuma.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian akan memanfaatkan ISTIC dalam mencapai matlamat *Sustainable Development Goals* (SDG) 2016 – 2030. Ia merupakan satu strategi bagi mentransformasi dunia dalam tempoh 15 tahun akan datang. Kesemua matlamat yang digariskan dalam *Sustainable Development Goals* 2030 adalah amat relevan dengan Malaysia.

17 matlamat SDG disahut oleh kerajaan dengan strategi utama pembangunan negara, iaitu Rancangan Malaysia Ke-11 yang berfokus untuk merealisasikan Wawasan 2020. Keenam-enam teras strategik Rancangan Malaysia Ke-11 adalah selaras dengan SDG yang ditetapkan. Oleh itu, ISTIC sebagai sebuah organisasi yang berkaitan dengan sains, teknologi dan inovasi akan terus melaksanakan peranan, tugas dan program dalam membantu negara Malaysia dan negara-negara selatan mencapai matlamat SDG seterusnya menyumbang kepada pencapaian matlamat di peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.